



3 korban banjir

SYAHARIM ABIDIN | BERTTA HARIAN

PENDUDUK membantu mencari dua beradik perempuan Siti Nadia Shukur, 13, dan adiknya, Sharipah, 8, yang dikhuatiri lemas selepas motosikal dinaiki mereka terbabas ke dalam tali air di Kampung Telaga Emas, Langgar, di Alor Setar, tengah hari semalam.

- Bah di Kedah, Perlis dijangka makin buruk
- Kelantan tak berubah

KUALA LUMPUR: Tiga orang menjadi korban banjir semalam ketika keadaan bah di Kedah dan Perlis dijangka semakin buruk hari ini dengan jumlah penduduk yang dipindahkan sehingga 10 malam tadi lebih 41,000 orang.

Bagaimanapun keadaan di Kelantan tidak berubah. Sehingga jam 10 malam tadi, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di Kedah (26,946), Perlis (13,587), manakala di Rantau Panjang,

Kelantan (475).

Jumlah korban banjir termasuk kelmarin menjadi enam orang. Tiga korban banjir semalam ialah dua di Kedah dan seorang di Perlis.

Di **ALOR SETAR**, dua beradik perempuan berusia 13 dan 8

LIHAT MUKA 16

8,000 hadapi krisis makanan

UiTM terpaksa buat catuan, bekalan semakin kurang akibat banjir

KANGAR: Lebih 8,000 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dijangka berdepan krisis bekalan makanan, jika banjir yang melanda seluruh negeri sejak malam Ahad lalu terus berlarutan.

Keadaan itu memaksa pihak universiti mencatu bekalan makanan untuk memastikan stok sedia ada mampu menampung keperluan semua pelajar untuk tempoh sekurang-kurangnya dua hari lagi.

Pengarah UiTM Perlis, Prof Dr Khudzir Ismail, berkata buat masa sekarang pihak universiti menggunakan sistem kupon untuk mengawal bekalan sedia ada, bukan saja kepada lebih 6,000 pelajar yang kini menginap di kampus, malah turut membabitkan pelajar luar kampus.

Katanya, sehingga kini, lebih 1,000 pelajar luar kampus sudah dibawa masuk untuk diberi perlindungan sebagai langkah berjaga-jaga selepas banjir mula melimpahi sekitar negeri ini, termasuk di Arau.

"Kita sekarang bimbang bekalan makanan akan terputus berikutan banyak kedai di sekitar pekan Arau dan bandar Kangar tutup, apatah lagi bekalan sedia ada hanya mencukupi untuk tempoh dua hari saja," katanya.

Sementara itu, lebih 7,000 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diberikan cuti sehingga bencana banjir reda, manakala 34 pelajar antarabangnya pula dipindahkan dari penempatan di taman Aman ke Wang Ulu di Kuala Perlis.

Selain itu, ratusan lagi penuntut di Institut Pendidikan



PEMANDANGAN sekitar bandar Kangar yang ditenggelami air selepas banjir melanda negeri itu sejak beberapa hari lalu, keadaan menyebabkan beberapa jalan utama ditutup untuk laluan dan ratusan penduduk terpaksa dipindahkan ke tempat pemindaan sementara.

Guru (IPG) kampus Perlis juga dilapor turut terputus bekalan selepas laluan utama sekitar kawasan terbabit mula dinaiki air sehingga paras dada.

Usaha menghantar beka-

“Kita bimbang bekalan makanan akan terputus berikutan banyak kedai di sekitar pekan Arau dan bandar Kangar tutup, bekalan sedia ada hanya cukup untuk dua hari saja”

Prof Dr Khudzir Ismail
Pengarah UiTM Perlis

lan masuk ke kawasan terbabit oleh waris juga sukar kerana paras air tinggi dan arus deras.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis, Nishad Mohamed Mohd Shaffy, berkata paras air di sekitar Empangan Timah Tasoh kini menurun ke paras 30 meter berbanding 30.49 meter kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, paras itu masih diklasifikasikan sebagai melepasi paras bahaya.

"Buat masa sekarang, satu daripada enam pintu di Empangan Timah Tasoh yang dibuka untuk melepaskan air keluar, sudah ditutup dan jika cuaca stabil, kemungkinan besar keadaan akan kembali pulih dalam tempoh dua hari," katanya.



RAJA Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail membantu memindahkan pesakit ketika meninjau kawasan Hospital Tuanku Fauziah (HTF), sambil diperhatikan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil, semalam.

Air laut pasang burukkan keadaan

DARI MUKA 1

tahun dikhuatiri lemas selepas motosikal yang dinaiki mereka terbabas ke dalam tali air di Kampung Telaga Emas, Langgar, di sini, tengah hari semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah hari itu, Siti Nadia Shukur, 13, dan adiknya, Sharipah, 8, bersama seorang rakan mereka, Intan Malik, 14, terbabas ke dalam tali air selepas motosikal yang dinaiki mereka hilang kawalan akibat ditolak arus deras.

Di KANGAR, seorang lelaki dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus deras selepas terjatuh ke Sungai Bahru bersama basikal yang ditunggangnya, di sini, petang semalam.

Kejadian berlaku ketika mangsa, Muhammad Nurul Afiq Mohd Rozaidi, 21, yang berasal dari pekan Simpang Empat, di sini, melalui jalan pinggir sungai terbabit, kira-kira jam 1.05 petang sebelum tergelincir dan terjatuh ke sungai.

Mayat wanita Jerman, Erna Fischer, 64 yang dihanyutkan arus deras di Kampung Kerinjis, Kota Giam di Jitra, kelmarin ditemui penduduk dan anggota penyelamat petang semalam.

Sementara itu Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kedah, Qahar Osman, berkata pihaknya menjangka banjir di negeri ini bertambah buruk hari ini, berikutan air dari kawasan tinggi termasuk Padang Terap dan Jitra melimpah ke kawasan rendah khususnya di daerah Kota Star.

Beliau berkata, keadaan air laut pasang juga akan memperlambatkan aliran air sungai di sepanjang Lembangan Sungai Bata di Jitra dan lembangan Sungai Padang Terap.

Ditanya sama ada banjir di Selatan Thailand akan memburukkan lagi keadaan, Qahar berkata, banjir di negara jiran berkenaan tidak akan menjejaskan kawasan rendah di negeri ini.

"Justeru, walaupun cuaca cerah, kita jangka banjir di daerah Kota Star akan bertambah buruk dalam masa tiga hari ini berikutan permukaan muka bumi di Alor Setar lebih rata dari daerah lain," katanya.

Media Prima, NSTP lancar tabung bantu mangsa

KUALA LUMPUR: Media Prima Berhad (Media Prima) dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) semalam, melancarkan Tabung Bencana NSTP-Media Prima bagi mengumpul dana untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir di beberapa negeri yang terjejas.

Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaafar berkata, pelancaran tabung yang diadakan serentak dengan usaha menggerakkan sukarelawan membantu menyalur-

kan bantuan minggu depan, selepas peningkatan mendadak terhadap jumlah mangsa banjir sejak beberapa hari lalu.

"Situasi kecemasan di Kedah, Perlis dan Kelantan dalam keadaan terdesak dan bantuan diperlukan serta-merta.

"Oleh itu, Media Prima berusaha meringankan beban mangsa banjir menerusi pelancaran dana ini.

"Mereka yang terbabit dalam kejadian banjir ini memerlukan keperluan asas yang antaranya termasuk

makanan dan minuman, alat kebersihan, selimut, makanan bayi, lampin dan sebagainya.

"Justeru, kami meminta badan awam dan syarikat korporat di negara ini untuk berganding bahu dengan kami dalam membantu mangsa bencana melalui sumbangan ikhlas anda yang akan disalurkan kepada mangsa banjir dengan kadar segera," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, Media Prima dengan kerjasama NSTP akan terus berperanan memberi

maklumat terbaru kepada masyarakat mengenai krisis terbabit dan pada masa sama meningkatkan kesedaran mengenai usaha bantuan yang dijalankan.

Individu dan organisasi yang berminat membuat sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun Maybank bernombor 5141-0532-0757 atau dengan menulis cek yang ditulis atas nama "Tabung Bencana NSTP-Media Prima" dan menghantarnya ke (U/P) Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

TABUNG BENCANA



NSTP media prima

Sumbangan boleh dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur dan pejabat cawangan atau cek atas nama **Tabung Bencana NSTP-Media Prima** Akaun Maybank : 514105-320757 (Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)

Lapangan terbang ditutup

Penerbangan di LTSAH ditunda kecuali perkhidmatan helikopter

SUBANG: Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH) di Alor Setar, Kedah, ditutup sejak kelmarin kepada semua penerbangan, kecuali perkhidmatan helikopter, akibat banjir, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha.

Beliau berkata, bilangan penerbangan terjejas berikutan keadaan itu masih belum dapat dipastikan kerana ia akan bergantung kepada tempoh penutupan lapangan terbang berkenaan.

"Kita tidak tahu lagi bila lapangan terbang itu (LTSAH) boleh dibuka semula. Oleh itu, kita meminta maaf kepada orang ramai berhubung keadaan ini yang berlaku atas faktor cuaca.

"Bagaimanapun, lapangan terbang lain di Kuala Terengganu serta Kota Bharu tidak terjejas dan masih beroperasi," katanya pada sidang akhbar selepas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Clinton, menamatkan lawatan rasminya di Malaysia, di Terminal Skypark, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah



KEADAAN LTSAH yang dinaiki air kira-kira satu meter di Alor Setar, semalam.

Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tengku Datuk Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz, berkata penumpang yang sudah menempah tiket penerbangan tetapi perjal-

nan terjejas akibat penutupan LTSAH, ditawarkan beberapa pilihan.

Katanya, mereka boleh memilih penerbangan ke Pulau Pinang atau Langkawi sebelum mengambil pengangku-

tan lain ke Alor Setar, atau membuat penjadualan semula penerbangan pada hari lain dengan bergantung kepada keadaan.

Sambil menganggarkan beberapa ratus penumpang

terjejas dengan penutupan LTSAH setakat ini, beliau berkata, MAS juga akan bekerjasama dengan Lembaga Tabung Haji untuk membantu menangani penerbangan jemaah haji yang terjejas.

MAS batalkan penerbangan ke Alor Setar

KUALA LUMPUR: Penerbangan Malaysia (MAS) membatalkan beberapa penerbangannya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar dan sebaliknya semalam dan hari ini berikutan banjir yang melanda negeri berkenaan.

Pembatalan semalam membatalkan penerbangan MH1202, MH1208 dan MH1252 bagi destinasi Kuala Lumpur-Alor Setar yang dijadual berlepas masing-masing pada jam 8 pagi, 1.55 tengah hari dan 8 malam.

Manakala bagi destinasi Alor Setar-Kuala Lumpur, pembatalan membatalkan penerbangan MH1203, MH1209 dan MH1253 yang dijadual berlepas masing-masing pada jam 9.25 pagi, 3.20 petang dan 9.25 malam.

Turut dibatalkan penerbangan bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke Alor Setar, hari ini, membatalkan penerbangan MH1208 dan MH1252 yang dijadual berangkat masing-masing pada jam 1.55 tengah hari dan 8 malam.

Tren laluan Arau-Tunjang dibatalkan

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan tren antara bandar Keretapi Tanah Melayu bagi laluan Arau-Tunjang pada semalam dan hari ini dibatalkan berikutan banjir besar yang melanda Kedah dan Perlis.

Menurut satu kenyataan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) semalam, perkhidmatan tren yang dibatalkan Ekspres Antarabangsa (Bangkok-Butterworth-Bangkok) dan Ekspres Senandung Langkawi (Hatyai-Kuala Lumpur).

Bagaimanapun, penumpang Ekspres Senandung Langkawi (Hatyai-Kuala Lumpur) dari Stesen Bukit Mertajam dan mana-mana stesen selepasnya yang menuju ke Kuala Lumpur, boleh menaiki tren Ekspres Senandung Mutiara yang berlepas pada 11 malam di stesen itu.

Perkhidmatan yang dijadual semula pula ialah Ekspres Senandung Langkawi (KL Sentral-Hatyai).

Tren itu hanya akan meneruskan perjalanan ke Stesen Alor Setar dan penumpang boleh menggunakan pengangkutan alternatif seperti bas dan teksi di stesen tersebut.

Empat lagi sekolah di Kelantan terpaksa ditutup

KOTA BHARU: Empat lagi sekolah di negeri ini ditutup semalam, menjadikan sehingga kini 13 sekolah dari tiga daerah iaitu Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat, apabila bangunan dan perkerangan sekolah dinaiki air sedalam kira-kira 1.5 meter sejak awal pagi kelmarin.

Sekolah berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Sitok dan SK Kok Pauh di Rantau Panjang, manakala satu sekolah masing-masing di Pasir Mas dan Tumpat iaitu SK Bakong dan SK Bendang Pak Yong, yang diarah tutup mulai jam 9 pagi semalam, akibat dilanda banjir.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan, Hussain Awang, berkata penutupan 13 sekolah itu membatalkan seramai 7,019 pelajar apabila banjir mula melanda jajahan Pasir Mas mulai semalam, semakin serius.

Katanya, sekolah yang ditutup kelmarin ialah SK Sri Rantau Panjang1; SK Sri Rantau Panjang2; SK Rantau

Panjang; SK Lubok Stoi; SK Rahmat; SK Gual Tok Deh; SMK Rantau Panjang; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Khay Boon serta SK Chenderong Batu, Tumpat.

Beliau berkata, arahan dikeluarkan kelmarin dan semalam mengenai penutupan sekolah terbabit dan ini dilakukan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diinginkan berlaku kepada pelajar.

"Keutamaan saya ialah untuk memastikan keselamatan pelajar dan sekolah hanya akan bermula sebaik saja JPN menerima laporan daripada pegawai keselamatan yang memantau banjir di daerah ini," katanya.

Sementara itu, di RANTAU PANJANG, seramai 475 orang mangsa banjir membatalkan 121 keluarga dari beberapa kampung di Rantau Panjang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir di sini, apabila paras air Sungai Golok di Rantau Panjang dan Jenob, Pasir Mas, melepasi paras bahaya sehingga membanjiri kediaman mereka.

Kementerian pastikan SPM, STPM tak terjejas

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran sudah mengambil langkah persediaan memastikan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dijadualkan bermula 22 November ini tidak terjejas, jika banjir yang melanda beberapa negeri di Utara Semenanjung menjadi semakin buruk.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata sekiranya keadaan itu berlaku, calon peperiksaan itu akan ditempatkan di sekolah berdekatan.

"Kita sudah bersedia sekiranya banjir yang berlaku sekarang semakin buruk sehingga pada hari peperiksaan. Jadi, pelajar tidak perlu bimbang, mereka yang terjejas akan mengambil peperiksaan itu di sekolah berdekatan yang lengkap dengan kemudahan asrama.

"Oleh itu, kita menasihatkan semua pelajar dan ibu bapa supaya memantau sebarang perkembangan terbaru mengenai keadaan banjir



MANGSA banjir bergotong-royong menyediakan juadah di tengah pembahagi jalan di Alor Setar, semalam.

kerana segala maklumat terbaru akan dihebahkan menerusi media," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontingen Malaysia ke Kejohanan World Robot Olympiad (WRO) 2010 di sini, semalam.

Beliau juga mengarahkan sekolah segera ditutup seki-

ranya mendapati keadaan itu boleh menjejaskan keselamatan pelajar.

"Apa yang penting ialah keselamatan pelajar, jika mereka merasakan sekolah tidak lagi selamat untuk murid, kita mahu mereka tutup sekolah. Kita tidak akan berkompromi dengan keselamatan pelajar," katanya.